

## Lelaki proses kad UMBCO warga <sup>B/HARAU</sup> asing ditahan <sup>28/2/18</sup> <sup>M 5 67</sup>

**Tawau:** Polis menahan seorang lelaki yang disyaki aktif menjalankan kegiatan memproses 'kad matrik' bagi warga asing dan pendatang asing tanpa izin dalam serbuan di sebuah rumah di Kampung Sentosa dekat sini, kelmarin.

Serbuan pada kira-kira jam 11 malam itu dijalankan sepasukan pegawai dan anggota 'Strike Team' Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau diketuai Inspektor Muis Mursalam.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Fadil Marsus, berkata suspek warga tempatan berumur 43 tahun itu disyaki terlibat dalam pengurusan dan penyediaan kad matrik dikenali Union Malaya Borneo Corporation (UMBCO) bagi warga asing di Sabah.

Katanya, pemilik kad itu kononnya mempunyai beberapa keistimewaan antaranya tidak akan ditangkap pihak berkuasa seperti polis, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen atas kesalahan tiada dokumen pengenalan diri.

"Setiap permohonan dikenakan bayaran RM50 seorang dan pemohon hanya perlu memberi nama dan apa juga jenis pengenalan diri kepada suspek untuk mendapatkan satu kad matrik UMBCO.

"Pemohon akan memperoleh kad itu dalam tempoh tiga hari waktu bekerja sementara suspek memproses pengeluaran kad terbabit di mana-mana kedai alat tulis di sekitar daerah ini," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.